

20 MAR 1997

Mozambique-sambutan

PRESIDEN MOZAMBIQUE DIBERI SAMBUTAN RASMI

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano, yang tiba semalam untuk lawatan rasmi selama empat hari, diberi sambutan rasmi di Dataran Parlimen di sini pagi ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menyambut Chissano dan isterinya Marcelina Rafael setibanya mereka ke upacara itu.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan diiringi dengan tembakan sebanyak 21 das sebagai menghormati lawatan ketua negara Mozambique itu.

Chissano kemudiannya memeriksa barisan kehormat 104 pegawai dan anggota Bataliono Pertama Askar Melayu Diraja diketuai oleh Mej Rafizi Haji Sharif.

Beliau kemudiannya diperkenalkan kepada para menteri Kabinet dan anggota-anggota kor diplomatik.

Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Chissano dan delegasi 34 anggotanya melawat Malaysia di atas jemputan Tuanku Ja'afar.

Selepas upacara itu, Presiden itu dijadualkan mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana menteri dan tengah hari nanti beliau akan diraikan ke satu majlis makan tengah hari oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia.

Malam ini, Chissano dan isteri akan membuat kunjungan kehormat ke atas Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah diikuti dengan majlis jamuan negara.

Presiden itu juga dijadualkan menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA).

Beliau dan rombongannya juga dijangka melawat Kilang Automobil Proton di Shah Alam dan projek rumah kos rendah di Jalan Jelatek di sini. --

BERNAMA

MAM WAT